

Kerana dihasut dan dipengaruhi oleh
Pengesannya Pilihanraya – Mahathir

PEMERHATI KOMANWEL DIKAJI SEMULA

Mula 22 JUN 1996
MUAR 21 1996
Mulai —
M Keraiaan akan
mengkaji 'semula kepu-
tusannya memanggil pe-
merhati pilihanraya dari
Komanwel kerana kum-
pulan pemerhati itu te-
lah dihasut dan dipeng-
aruhi oleh Pengesan Pi-
lihanraya, kata Qato' Sri
Dr. Mahathir Mohamad
hari ini.

Perdana Menteri yang terkejut dengan kedatangan dua orang wakil yang diantar oleh Sekretariat Komanwel ke negara ini beberapa hari lalu berkata, kerajaan bimbang kumpulan tersebut akan memihak kepada pembangkang dan tidak dapat berlaku adil. 'Sehubungan dengan perkembangan terbaru ini Perdana Menteri memberitahu, keputusan memanggil pemerhati itu akan dibincangkan semula dalam mesyuarat kabinet.

Bercakap kepada pemberita selepas berucap di Perhimpunan Bersama Rakyat di padang hoki sekolah tinggi di sini petang ini, Perdana Menteri menjelaskan kedua-dua orang wakil tersebut datang ke negara ini bukannya atas jemputan kerajaan.

Perdana Menteri mula mendedahkan perkara ini semasa berucap kepada kira-kira 15,000 orang rakyat berbagai lapisan kaum di perhimpunan tersebut yang turut dihadiri oleh pemimpin •

Oleh
Hassan Mohd. Noor
dan Tukiran Kitam

pemimpin Barisan Nasional.

Beliau berkata, kerajaan kini meragui keikhlasan pemerhati pilihanraya itu kerana mereka telah dihasut oleh Pengesan Pilihanraya yang sebelum itu telah menghantar sepucuk surat kepada Sekretariat Komanwel.

"Saya khuatir sekretariat dipengaruhi *election watch* ini.

"Kita tak panggil delegasi ini, baru nak jawab surat nak bagi tahu kerajaan dah bersetuju tetapi bukan secara rasmi nak panggil pemerhati pilihanraya ini," katanya.

Katanya, kerajaan masih merancang untuk menjawab surat untuk menerima pemerhati itu setelah mengadakan perbincangan dengan parti-parti pembangkang termasuk memberi garis panduan kepada pemimpin pembangkang Encik Lim Kit Siang.

Perdana Menteri menyifatkan perkembangan ini sebagai satu masalah dan mungkin menyebabkan pemerhati Komanwel bersikap tidak berkecuali dalam menyaksikan pilihanraya negara ini.

"Kita belum pun lagi membuat permintaan secara rasmi, cuma baru hantar surat kepada setiausaha agung yang lama dan saya meminta persetujuan parti-parti lawan tetapi pihak setiausaha agung telah menghantar wakilnya menemui Pengesan Pilihanraya."

"Sedangkan Pengesan Pilihanraya

LIHAT MUKA 12

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

PEMERHATI KOMANWEL

inilah yang kita hendak elakkan kerana mereka ini makan sebelah, saya khuatir sekretariat ini dipengaruhi oleh election watch ini," katanya.

Menurut Perdana Menteri lagi, Sekretariat Komanwel telah menghantar dua orang wakil itu kerana dijemput oleh Pengesan Pilihanraya.

"Kita khuatir ia (pemerhati Komanwel) tidak lagi neutral dan ia sepatutnya tidak menemui parti lawan dan tujuan kita memanggil pemerhati ini adalah untuk memastikan pilihanraya ini adil, bersih dan jujur," katanya.

Perdana Menteri berkata, malangnya pemerhati pilihanraya ini hendak berjumpa dengan parti-parti lawan dan election watch sedangkan perkara tersebut adalah di luar tugas mereka yang sebenarnya.

"Niat election watch ini adalah untuk membolehkan mereka mendakwa pilihanraya kali ini tidak sah.

"Mereka ini sengaja mempengaruhi Sekretariat komanwel sehingga tujuan kita nak adakan satu badan bebas sudah tercemar kerana ada hubungan dengan election watch ini," ujar Perdana Menteri lagi.

Ditanya pandangan mengenai Kumpulan Wangarera Prihatin pimpinan Tun Omar Yoke Lin Ong, Perdana menteri berkata, itu adalah pandangan mereka.

Bagaimanapun beliau memberitahu, pihaknya telah menerima banyak surat supaya tidak perlu memanggil pemerhati pilihanraya dari luar negeri.

Katanya: "Pilihanraya kita telah diadakan sebanyak lapan kali dan tidak ada masalah.

"Dalam pilihanraya kita, parti lawan boleh menang dan membuat kerajaan seperti berlaku di Kelantan, Sabah, Pulau Pinang dan memang benar pilihanraya kita itu dibuat secara adil dan tidak semua undi kepada kerajaan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga menerima keputusan-keputusan pilihanraya itu bahkan kerajaan juga menerima keputusan yang dibuat oleh mahkamah.

Katanya, kerana niat mereka untuk mendakwa pilihanraya tidak sah seperti yang mereka lakukan ke atas LJMNO, maka kerajaan memikirkan pemerhati pilihanraya dari luar perlu dipanggil.

"Malangnya mereka sudah mencemar pemerhati ini," katanya.

Perdana Menteri juga menjelaskan, election watch telah menantar surat kepadanya memberitahu bahawa mereka sendiri telah berhubung dengan Sekretariat Komanwel itu.

"Saya fikir sepatutnya sekretariat tidak ambil kira orang ini tetapi nampaknya ia (Komanwel) telah menghantar wakil berjumpa dengan election watch. Kalau ia dah jumpa sudah tentulah election watch akan mengatakan kerajaan tidak adil, tidak ikut undang-undang dan sebagainya."

"Jadi saya berpendapat mereka (pemerhati pilihanraya Komanwel) ini sudah memihak dan inilah yang mendukacitakan saya," katanya lagi.